

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN FUZIAH BT. SALLEH (KUANTAN)**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021(RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bunuh diri di setiap negeri dalam tempoh lima tahun kebelakangan dan pecahan mengikut umur, jantina, kaum serta punca.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan statistik yang dikemukakan oleh pihak PDRM, dari tahun 2018 sehingga 31 Julai 2021, jumlah kes bunuh diri yang telah dilaporkan kepada PDRM di seluruh negara adalah sebanyak 2,426 kes. Pecahan mengikut negeri pula mencatatkan Selangor sebanyak 442 kes, Johor (375 kes), Pulau Pinang (270 kes), Kuala Lumpur (266 kes), Perak (224 kes), Sarawak (159 kes), Sabah (145 kes), Negeri Sembilan (137 kes), Pahang (122 kes), Kedah (111 kes), Melaka (74 kes), Kelantan (61 kes), Terengganu (36 kes) dan Perlis sebanyak 4 kes.

Dari segi umur, bagi tempoh yang sama, seramai 1,358 orang telah membunuh diri berada dalam julat umur 19 hingga 40 tahun, manakala bagi umur 41 tahun ke atas seramai 960 orang. Dari segi pecahan jantina pula, lelaki mencatatkan kes seramai 2,030 orang (83.68%) berbanding wanita seramai 396 orang (16.32%).

Bilangan kes mengikut kaum, paling tinggi adalah Cina iaitu seramai 807 orang, diikuti kaum India seramai 462 orang dan kaum Melayu seramai 362 orang. Sebanyak 19 kes lagi tidak dapat dikenalpasti kaumnya.

Berdasarkan siasatan, motif bunuh diri tertinggi adalah akibat tekanan perasaan iaitu seramai 679 orang (27.99%) dan masalah kewangan mencatatkan motif kedua tertinggi iaitu seramai 385 orang (15.87%). Manakala kategori nyanyuk merupakan motif bunuh diri terendah iaitu seramai 4 orang (0.16%).

Pecahan statistik di atas termasuk mengikut mengikut tahun, negeri, umur, jantina, kaum dan punca adalah seperti di Lampiran.

**STATISTIK BUNUH DIRI DARI TAHUN 2018 HINGGA 31 JULAI 2021  
MENGIKUT JANTINA DAN UMUR**

BIL	KONTINJEN	JANTINA		JUMLAH	UMUR										JUMLAH
		L	P		14 KE BAWAH		15-18		19-40		41 KE ATAS		TIDAK DIKETAHUI		
					L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
1	JOHOR	321	54	375	0	2	6	0	180	28	133	21	2	3	375
2	KEDAH	99	12	111	0	0	2	0	66	7	30	5	1	0	111
3	KELANTAN	56	5	61	0	0	2	2	32	2	21	1	1	0	61
4	KUALA LUMPUR	205	61	266	1	0	8	2	119	34	76	25	1	0	266
5	MELAKA	66	8	74	0	0	1	1	38	3	27	4	0	0	74
6	NEGERI SEMBILAN	120	17	137	0	1	1	1	76	7	43	8	0	0	137
7	PAHANG	100	22	122	0	0	0	2	54	12	45	8	1	0	122
8	PERAK	188	36	224	1	0	1	1	84	12	100	23	2	0	224
9	PERLIS	3	1	4	0	0	0	0	2	1	1	0	0	0	4
10	PULAU PINANG	216	54	270	0	1	2	2	106	27	106	24	2	0	270
11	SABAH	131	14	145	0	0	11	3	80	2	38	9	2	0	145
12	SARAWAK	138	21	159	0	0	9	5	79	9	49	7	1	0	159
13	SELANGOR	357	85	442	1	1	13	4	234	43	106	37	3	0	442
14	TERENGGANU	30	6	36	0	0	1	1	19	2	10	3	0	0	36
<b>JUMLAH</b>		<b>2030</b>	<b>396</b>	<b>2426</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>57</b>	<b>24</b>	<b>1169</b>	<b>189</b>	<b>785</b>	<b>175</b>	<b>16</b>	<b>3</b>	<b>2426</b>
		<b>83.68%</b>	<b>16.32%</b>												

**STATISTIK BUNUH DIRI DARI TAHUN 2018 HINGGA 31 JULAI 2021  
MENGIKUT KEWARGANEGARAAN DAN KAUM**

BIL	KONTINJEN	WARGANEGARA / BANGSA												JUMLAH
		MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		BUKAN W/NEGARA		TIDAK DIKETAHUI		
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
1	JOHOR	45	4	113	16	64	20	31	3	66	8	2	3	375
2	KEDAH	31	2	26	3	21	7	7	0	13	0	1	0	111
3	KELANTAN	38	2	4	0	2	0	2	2	9	1	1	0	61
4	KUALA LUMPUR	29	4	75	30	27	4	8	0	64	24	1	0	266
5	MELAKA	13	0	23	5	15	2	2	0	13	1	0	0	74
6	NEGERI SEMBILAN	12	0	32	7	39	8	1	0	36	2	0	0	137
7	PAHANG	22	4	35	5	11	6	11	3	20	4	1	0	122
8	PERAK	28	7	69	12	52	17	6	0	31	0	2	0	224
9	PERLIS	3	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	4
10	PULAU PINANG	20	4	111	32	29	13	5	0	49	5	2	0	270
11	SABAH	8	0	24	8	1	0	73	4	23	2	2	0	145
12	SARAWAK	17	3	42	8	0	0	58	10	20	0	1	0	159
13	SELANGOR	31	6	89	33	90	34	15	1	129	11	3	0	442
14	TERENGGANU	25	4	2	2	0	0	1	0	2	0	0	0	36
<b>JUMLAH</b>		<b>322</b>	<b>40</b>	<b>645</b>	<b>162</b>	<b>351</b>	<b>111</b>	<b>220</b>	<b>23</b>	<b>475</b>	<b>58</b>	<b>16</b>	<b>3</b>	<b>2426</b>
		<b>362</b>		<b>807</b>		<b>462</b>		<b>243</b>		<b>533</b>		<b>19</b>		

**STATISTIK BUNUH DIRI DARI TAHUN 2018 HINGGA 31 JULAI 2021  
MENGIKUT MOTIF BUNUH DIRI**

BIL	KATEGORI / KONTINJEN	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KUALA LUMPUR	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TERENGGANU	JUMLAH	PERATUS
1	MASALAH KEWANGAN	53	17	16	36	17	20	24	38	1	43	20	26	66	8	385	15.87%
2	MASALAH KESIHATAN	32	9	6	28	10	10	9	13	0	24	10	11	42	0	204	8.41%
3	TEKANAN PERASAAN	98	49	15	51	22	48	16	86	0	85	43	44	111	11	679	27.99%
4	KEMURUNGAN	38	16	10	59	9	20	17	32	1	33	19	24	81	5	364	15.00%
5	MASALAH KELUARGA	81	9	6	38	4	22	26	20	0	33	18	20	56	3	336	13.85%
6	PUTUS CINTA	16	2	2	5	4	3	7	5	0	9	4	4	11	2	74	3.05%
7	NYANYUK	1	0	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	1	0	4	0.16%
8	SAKIT MENTAL	16	4	3	28	3	7	10	7	2	21	12	14	19	3	149	6.14%
9	MASALAH RUMAHTANGGA	9	1	1	3	1	3	6	2	0	8	10	2	20	0	66	2.72%
10	HALUSINASI	12	4	1	8	0	0	4	5	0	4	7	4	10	3	62	2.56%
11	TIDAK DIKETAHUI	19	0	1	9	4	4	3	15	0	10	2	10	25	1	103	4.25%
	<b>JUMLAH</b>	<b>375</b>	<b>111</b>	<b>61</b>	<b>266</b>	<b>74</b>	<b>137</b>	<b>122</b>	<b>224</b>	<b>4</b>	<b>270</b>	<b>145</b>	<b>159</b>	<b>442</b>	<b>36</b>	<b>2426</b>	<b>100%</b>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 ( RABU )

**SOALAN NO.58**

**TUAN LIM KIT SIANG** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan butiran terperinci berapa ramai pesakit COVID-19 yang kini berhadapan dengan komplikasi berpanjangan (*long COVID*) mengikut jenis-jenis komplikasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Definisi *Long COVID* adalah keadaan pesakit di mana gejala dan tanda COVID-19 dihadapi melebihi tempoh 4 minggu. Ini merangkumi 2 tahap berikut:

- (i) *Ongoing symptomatic COVID-19*  
Gejala dan tanda COVID-19 dalam tempoh 4-12 minggu
- (ii) *Post COVID-19 syndrome*  
Gejala dan tanda COVID-19 melebihi 12 minggu dan dan tidak dapat dikaitkan dengan diagnosis alternatif yang lain.

2. Sehingga kini, seramai 12,654 pesakit COVID yang discaj daripada hospital telah diberi temujanji dan datang untuk rawatan susulan di fasiliti kesihatan, bagi tujuan pemantauan dan menerima rawatan bagi gejala *long COVID*.

3. Berdasarkan pemantauan ke atas pesakit, terdapat 5 gejala utama yang sering dihadapi pesakit *long COVID* iaitu:

- (i) kelesuan (79.2%);
- (ii) sesak nafas apabila melakukan aktiviti tertentu (52.6%);
- (iii) batuk (17.2%);
- (iv) kesukaran tidur (14.6%); dan
- (v) *anxiety* (10.6%).

4. Perkhidmatan rehabilitasi komprehensif yang khusus kepada pesakit *long COVID* telah dilaksanakan di Hospital Sungai Buloh. Pelbagai bidang kepakaran terlibat dalam perkhidmatan khusus ini (*one-stop center*) iaitu Jabatan Perubatan, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Jabatan Perubatan Rehabilitasi dan juga kerjasama dengan Hospital Universiti iaitu Unit Respiratori Hospital UITM.

5. Bermula dari November 2020 sehingga 31 Julai 2021, seramai 2,388 pesakit COVID-19 kategori 4 dan 5 yang didiscaj dari Hospital Sungai Buloh telah dirujuk bagi perkhidmatan khusus ini, merangkumi perkhidmatan susulan secara telekonsultasi dan perkhidmatan susulan secara fizikal. Dari jumlah tersebut, seramai 1,545 (64.6%) mengalami gejala *long COVID*. Daripada segi *outcome* pula, 41.2% pesakit *long COVID* sembuh dari gejala setelah 4 minggu discaj dari hospital.

6. Kementerian Kesihatan akan terus memantau dan memberi rawatan kepada pesakit *long COVID* yang mempunyai indikasi, berdasarkan Garis Panduan Pengurusan COVID-19- *Post COVID-19 Management Protocol*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM (TAIPING)**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021**

**SOALAN**

**TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kos tahunan untuk menanggung banduan yang ditahan dalam penjara/ kem tahanan untuk 5 tahun terkini dan rancangan untuk mengurangkan bebanan tersebut.



**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2016 hingga 2020 terdapat seramai 317,674 orang banduan ditahan di seluruh institusi penjara Malaysia yang melakukan pelbagai kesalahan. Kos keseluruhan bagi tujuan penyelenggaraan seorang banduan di penjara adalah sebanyak RM 50.00. Ia melibatkan kos bagi tujuan penyediaan peralatan, kemudahan, perubatan, makanan, kawalan, pengiringan, emolomen kakitangan dan lain-lain. Oleh itu kos keseluruhan bagi menyelenggara banduan di Jabatan Penjara Malaysia untuk tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2016 hingga 2020 adalah kira-kira RM 4.95 billion.

Di antara langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan tanggungan berkenaan ialah;

- i. Mempergiatkan pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Program Reintegrasi Penghuni yang mana sehingga kini telah melibatkan seramai 56,146 orang yang telah dan sedang menjalani pemulihan di luar penjara atau dipanggil sebagai Pemulihan Dalam Komuniti (PDK); di mana jumlah semasa PDK bagi tahun 2021 seramai 3,515 orang.
- ii. Melaksanakan Pembebasan Banduan Secara Lesen (PBSL) berasaskan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Melalui pelepasan secara lesen tersebut, banduan yang memenuhi syarat pemilihan boleh mengikuti antaranya program latihan pekerjaan yang mana banyak tawaran telah diterima dari sektor perkilangan, pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan pertanian. Lembaga Pembebasan Banduan Secara Lesen yang ditubuhkan terdiri dari beberapa pihak luar dari Jabatan Penjara Malaysia telah bersidang setiap bulan dan mulai bulan Oktober 2020 sehingga Julai 2021 seramai 2,867 orang banduan telah dipilih untuk mengikuti program ini. Pada ketika ini terdapat sekitar 11,000 banduan yang dihukum dengan hukuman kurang dari setahun;

- iii. Memperkemaskan latihan kemahiran vokasional, latihan bersijil serta sistem latihan pekerjaan di dalam penjara bagi membolehkan banduan yang layak dipertimbangkan untuk mengikuti Program pekerjaan dan program Reintegrasi Penghuni Industri. Peluang pekerjaan adalah antara faktor utama yang mampu membendung pengulangan kes jenayah dan residivis;
- iv. Menjalinkan kerjasama dengan pihak Mahkamah dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman;
- v. Penelitian terhadap cadangan *Probation & Community Correction* oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan perundangan, yang mana cadangan ini melibatkan pelbagai alternatif kepada hukuman pemenjaraan; dan
- vi. Terkini, Rang Undang-Undang (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah)(Pindaan) 2021 telah disediakan, yang bertujuan untuk meminda Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 [Akta 461] dan menggantikan Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah)(Pindaan) 2021 (“ODPKW”) sebagai satu lagi usaha memperkasa inisiatif pemenjaraan di luar tembok penjara melalui program pemulihan pesalah di dalam komuniti. Inisiatif ini membolehkan pesalah yang dihukum dengan hukuman 1 tahun ke bawah boleh dipertimbangkan dalam program berkenaan.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia telah dan sentiasa memperbanyakkan inisiatif yang selaras dengan halatuju Jabatan Penjara Malaysia iaitu 2/3 banduan sabitan yang layak, akan menjalani pemulihan di luar tembok penjara. Melalui pelaksanaan dan pengembangan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), ia akan membantu proses koreksional banduan di dalam komuniti dan pada masa yang sama mengurangkan bebanan perbelanjaan tahunan Kerajaan.

